

17/10/2003

Kewibawaan Malaysia diyakini

WAKIL kelompok negara Arab, Asia dan Afrika yakin Malaysia berupaya mengeratkan perpaduan ummah dan kerjasama di kalangan negara Islam sejagat sepanjang tempoh tiga tahun sebagai Pengerusi Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) sehingga Oktober 2006.

Wakil kelompok Arab, Shaikh Khalifa Salman Al-Khalifa, berkata beliau yakin kewibawaan Malaysia yang berdasarkan kemampuan pucuk pimpinannya membangunkan ekonomi negara dan pelbagai sektor lain berlandaskan ajaran Islam.

"Pendirian Malaysia dan kenyataannya mengetengahkan dilema yang dihadapi dunia Islam, selain kelantangan mempertahankan agama Islam pada peringkat antarabangsa menjadi pemangkin mengeratkan perpaduan umat Islam sejagat untuk menangani isu semasa.

"Keberanian Malaysia mempertahankan syariah Islam ini diimbangi dengan usahanya memupuk kesedaran mengenai sifat tolak ansur dalam Islam terhadap budaya serta tamadun Barat," katanya yang juga Perdana Menteri Bahrain.

Beliau berkata demikian mewakili kelompok negara Arab ketika berucap pada pembukaan Sidang Kemuncak ke-10 OIC, semalam.

Shaikh Khalifa berkata, dunia Islam mengiktiraf ketegasan Malaysia mempertahankan kepentingan negara Arab, terutama gesaan supaya rakyat Palestin diberi hak pentadbiran sendiri dengan menubuhkan negara yang merdeka.

Wakil Asia, yang juga Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputra, pula berkata tindakan Israel meningkatkan serangan terhadap rakyat Palestin secara tiba-tiba adalah satu keganasan yang tidak berperikemanusiaan.

"Tindakan yang mengorbankan nyawa dan memusnahkan harta umat Islam ini juga cuba dihalalkan dengan mendakwa Islam sebagai agama yang penuh kekerasan dan ganas berikutan tragedi 11 September 2001 dan perlu ditentang.

"Sejak memasuki alaf baru ini, dunia Islam dihantui pelbagai konflik dan cabaran, sesetengahnya masih lagi berterusan kerana anggota OIC masing-masing mempunyai pendirian dan dasar berbeza berhubung beberapa isu membabitkan kepentingan bersama.

"Justeru, kita (OIC) perlu berfikiran terbuka bagi merangka agenda yang jelas, selain kesungguhan serta keberanian untuk melakukan rombakan menyeluruh terhadap struktur serta mekanisme OIC supaya lebih relevan dengan perkembangan semasa.

"Tema sidang kemuncak OIC ini, Pengetahuan dan Akhlak Demi Kemajuan Ummah wajar menjadi iktibar untuk kita merenung kembali kegagalan masa lalu bagi merintis masa depan yang lebih pragmatik," katanya.

Wakil kelompok Afrika, Abdoulaye Wade, pula berkata hubungan Malaysia yang akrab dengan negara Afrika dan Arab boleh membawa pembaharuan kepada OIC dengan memberi nafas bagi menyemarakkan permuafakatan untuk menetapkan pendirian bersama dalam isu antarabangsa.

Beliau, yang juga Presiden Republik Senegal, yakin perpaduan negara Islam adalah satu-satunya cara memastikan kuasa besar tidak bertindak sewenang-wenangnya kerana sudah ada pihak yang akan menegur dan melakukan tindakan balas sekiranya perlu.

Ketiga-tiga pemimpin berkenaan juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, atas sumbangan beliau dari segi ekonomi, sokongan politik dan pembangunan kepada negara anggota OIC lain sepanjang tempoh memimpin Malaysia.

